

Are you the next **TOP STUDENT?**



Join the **Score A**
Student Olympiad 2026
and stand a chance to
win prizes worth up to

RM35,000

Category A

Standard 1 - 6 /
Year 1 - 6
(Primary)

Category B


Form 1 - 3 /
Year 7 - 9
(Lower Secondary)

Category C

Form 4 - 5 /
Year 10 - 11
(Upper Secondary)

This Program is supported by Ministry of Education

For more details, visit: <https://scoreawithfc.my/>





Why Join?

E-Certificate

with PAJSK Marks*

**PAJSK marks are awarded for completion of Mission 1.*

Exciting Prizes To Be Won

- ★ Cash prizes
- ★ Product hampers
- ★ Customised trophies
- ★ Exclusive field trip**

***Field trip is subject to selection criteria and availability.*

Learn Smarter

Turn long and complex information into clear, **visual one-page notes**. Use **colour-coding techniques** to strengthen memory and recall.

Think Sharper

Learn to **think outside the box**, **analyse problems** creatively, and **express your ideas** clearly and convincingly.

Speak Confidently

Deliver **impactful presentations** and capture your audience's attention.

How to Join

Step 1

Understand & Create

Read the Mission 1 article and create your Creative Note using creative learning techniques

Article available in:

English / Bahasa Melayu / Chinese

Scan here to download:



<https://tinyurl.com/scorea2026-mission>

Step 2

Submit Your Creative Note by 19 July 2026

Choose ONE submission method

1. Individual Submission



Scan here

<https://tinyurl.com/scorea2026-submission>

2. Submit to your Teacher-In-Charge



Scan here

Only for **Teacher**

<https://tinyurl.com/scorea2026-submission-bulk>

Step 3

Answer the Quiz by 19 July 2026

Answer the online quiz based on the Mission 1 article

Only the first attempt will be counted

Scan here to access quiz:



<https://tinyurl.com/scorea2026-quiz>

Faber-Castell Score A Creative Learning Student Olympiad 2026 – Mission 1

Primary Category – Malay Translation

Any discrepancy, please refer to the English version.

Di Sebalik Skrin Anda: Wang, Aplikasi & Pilihan Dalam Talian

Pada masa kini, banyak aktiviti harian kita berlaku melalui skrin. Kita membeli barangan secara dalam talian, membuat pembayaran menggunakan e-dompet, dan memesan pelbagai keperluan dengan hanya beberapa ketikan. Semuanya kelihatan mudah dan pantas. Namun begitu, di sebalik setiap klik dan transaksi, terdapat sistem digital yang tidak kelihatan berfungsi secara senyap. Sistem ini bukan sahaja mengurus dan memindahkan wang, malah turut menentukan apa yang dipaparkan kepada kita serta mempengaruhi cara kita berfikir dan membuat keputusan.

Apabila anda membuka aplikasi beli-belah dalam talian, paparan pada skrin sebenarnya tidak muncul secara rawak. Sebaliknya, ia disusun oleh sistem platform yang direka untuk mengawal dan mengatur kandungan. Sistem ini melibatkan pelbagai komponen seperti susun atur aplikasi, fungsi carian, sistem kedudukan, serta enjin cadangan. Gabungan komponen ini menentukan bagaimana aplikasi dipersembahkan, di mana butang diletakkan, dan produk mana yang ditampilkan terlebih dahulu. Lazimnya, item yang berada di bahagian atas lebih mudah menarik perhatian pengguna. Oleh itu, sistem ini secara tidak langsung mengarahkan fokus pengguna dan mempengaruhi tanggapan terhadap produk yang dianggap popular atau berbaloi untuk dibeli.

Seterusnya, semasa anda melayari aplikasi atau laman web, setiap tindakan yang dilakukan akan direkodkan oleh teknologi penjejakan. Antara teknologi yang digunakan ialah kuki (cookies) dan piksel penjejakan (tracking pixel), iaitu alat yang berfungsi mengumpul maklumat tentang tingkah laku pengguna dalam persekitaran digital. Teknologi ini merekodkan pelbagai perkara seperti carian yang dilakukan, pautan yang diklik, tempoh masa melihat sesuatu kandungan, serta sejarah pembelian. Malah, interaksi kecil seperti kembali melihat produk yang sama beberapa kali juga akan direkodkan sebagai data. Dari semasa ke semasa, maklumat ini membantu platform memahami minat dan kecenderungan pengguna dengan lebih mendalam.

Data yang dikumpulkan kemudiannya diproses oleh algoritma. Algoritma merupakan satu set arahan yang digunakan oleh komputer untuk menganalisis maklumat dan mengenal pasti corak dalam data. Ia tidak memahami emosi atau niat manusia, sebaliknya membuat jangkaan berdasarkan corak tingkah laku yang direkodkan. Sebagai contoh, apabila anda mencari “penyerlah kuning Faber-Castell” dan menekan beberapa produk berkaitan, sistem akan mengenal pasti corak minat tersebut. Apabila anda kembali ke aplikasi kemudian, lebih banyak produk serupa akan dipaparkan, terutamanya di halaman utama, lazimnya dengan label seperti “Disyorkan untuk Anda”.

Bukan itu sahaja, kesan sistem ini juga dapat dilihat merentasi pelbagai platform digital. Walaupun anda beralih ke laman web atau aplikasi lain seperti YouTube, Google, atau permainan dalam talian, anda mungkin akan melihat iklan berkaitan alat tulis atau keperluan sekolah. Hal ini berlaku kerana data tingkah laku pengguna dianalisis untuk meramalkan minat, sekali gus membolehkan kandungan yang relevan dipaparkan secara berterusan. Sistem ini tidak membaca fikiran pengguna, tetapi membuat jangkaan berdasarkan data yang telah dikumpulkan.

Selain itu, terdapat juga sistem kedudukan dan promosi yang mempengaruhi keterlihatan sesuatu produk. Sistem ini menentukan produk yang dipaparkan terlebih dahulu dalam hasil carian. Item tertentu mungkin diberi keutamaan berdasarkan faktor seperti populariti, tajaan berbayar, atau potensi keuntungan, manakala item lain dipaparkan pada kedudukan yang lebih rendah. Hal ini menunjukkan bahawa paparan yang dilihat oleh pengguna bukanlah secara kebetulan, sebaliknya disusun secara strategik untuk mempengaruhi perhatian dan pilihan.

Apabila pengguna membuat keputusan untuk membeli, proses pembayaran pula dikendalikan oleh sistem yang beroperasi di sebalik skrin. Sistem ini menghubungkan aplikasi beli-belah dengan bank atau e-dompet bagi memastikan transaksi dilakukan dengan selamat dan lancar. Di Malaysia, kemudahan seperti DuitNow

QR membolehkan pembayaran diselesaikan dengan cepat melalui ciri seperti penyimpanan maklumat pembayaran dan fungsi pembayaran satu klik. Walaupun kemudahan ini meningkatkan kecekapan, kelajuan transaksi juga boleh mengurangkan masa untuk pengguna berfikir sebelum membuat pembelian.

Dalam perkembangan terkini, kecerdasan buatan (AI) turut memainkan peranan penting dalam memperhalus sistem ini. Ciri seperti carian suara dan pembantu pintar menggunakan AI untuk memproses perkataan yang diucapkan oleh pengguna. Sistem ini diaktifkan apabila kata pencetus tertentu disebut atau apabila butang ditekan. Pertuturan pengguna akan ditukar kepada bentuk teks dan menjadi sebahagian daripada data yang dianalisis. Seterusnya, AI mengenal pasti corak daripada kedua-dua input—yang ditaip dan dituturkan—bagi membina profil minat pengguna. Dari semasa ke semasa, maklumat ini mempengaruhi cadangan, iklan, dan kandungan yang dipaparkan.

Secara keseluruhannya, sistem digital yang beroperasi di sebalik platform dalam talian telah berkembang daripada fungsi asas kepada sistem yang kompleks dan berpengaruh. Oleh itu, memahami cara sistem ini berfungsi amat penting bagi pengguna masa kini. Apabila pengguna menyedari bahawa pengalaman dalam talian mereka dipengaruhi oleh data dan algoritma, mereka akan lebih cenderung untuk membuat keputusan secara berhati-hati. Dengan mengamalkan sikap menyemak maklumat, membandingkan pilihan, dan mengambil masa sebelum membuat pembelian, pengguna dapat memanfaatkan teknologi digital dengan lebih bijak dan selamat.

Soalan Pemikiran Kritis (Critical Thinking Question, CTQ):

Anda bertanggungjawab menguruskan kedai dalam talian Faber-Castell. Platform membeli-belah dalam talian menggunakan sistem tersembunyi yang boleh mendorong pengguna untuk membuat pembelian dengan lebih cepat.

Bagaimanakah anda akan mereka bentuk kedai tersebut bagi membantu pelajar membuat pilihan yang tepat semasa membeli-belah dalam talian?

Tulis:

- satu ciri,
- satu peraturan, dan
- satu peringatan yang akan anda sertakan.

Arahan:

Tambahkan jawapan anda dalam nota kreatif. Anda boleh menyusunnya dalam bentuk peta minda, kotak maklumat, atau mana-mana susun atur yang jelas dan teratur. Pastikan anda menunjukkan dengan jelas satu ciri, satu peraturan, dan satu peringatan.